



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 21 /2022

**“ALERT”**: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) buat julung kalinya mengadakan Malam Anugerah Teater Malaysia mempertaruhkan 26 anugerah bagi memberi pengiktirafan kepada Industri Seni Teater di Malaysia.

## JKKN IKTIRAF PENGGIAT TEATER

**KUALA LUMPUR, 22 Oktober 2022** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mengadakan Malam Anugerah Teater Malaysia 2022 yang bertempat di Amphiteater, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Malam Anugerah Teater Malaysia ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada Industri Seni Teater Malaysia, penyemarakan berkarya yang dinilai dalam perspektif Malam Anugerah, persaingan sihat antara Persatuan Teater Amatur, Profesional dan Perseorangan yang telah diberi kepercayaan dalam berkarya. Selain itu, bagi mengangkat seni teater ke peringkat yang lebih tinggi dari segi kreatif dan kualiti, semangat kesatuan penggiat seni teater melalui aspirasi Keluarga Malaysia juga dilihat.

Majlis penganugerahan ini ditujukan kepada karyawan seni teater melalui penilaian pementasan dari tahun 2020 sehingga 31 Ogos 2022. Festival Teater Malaysia dijenamakan semula sebagai Malam Anugerah Teater

Malaysia yang akan memberikan penganugerahan kepada petugas teater dari pelbagai genre teater seperti monolog, teater moden, teater muzikal dan teater tradisi. Pencalonan terbuka kepada semua produksi teater amatur, institusi pengajian tinggi awam/swasta, syarikat dan ahli profesional yang dicalonkan oleh pihak produksi dan dinilai oleh panel juri yang dilantik oleh JKKN.

Urus setia Malam Anugerah Teater Malaysia telah menerima 9 penyertaan kategori Monolog/Monodrama, 4 penyertaan Teater Muzikal, 33 penyertaan Teater Moden dan 4 penyertaan bagi teater tradisional menjadikan jumlah keseluruhannya ialah 50 penyertaan. Anugerah ini telah mempertaruhkan 22 anugerah yang dinilai oleh panel juri seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Persembahan</b>	<b>Anugerah</b>
1	Monolog / Monodrama	1. Anugerah Monolog / Monodrama Terbaik
2	Teater Virtual Terbaik	1. Anugerah Teater Virtual Terbaik
3	Teater Moden	1. Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik 2. Anugerah Pelakon Wanita Terbaik 3. Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik 4. Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik 5. Anugerah Pelakon Harapan 6. Anugerah Pengarah Terbaik 7. Anugerah Teater Moden Terbaik
4	Teater Muzikal	1. Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik 2. Anugerah Pelakon Wanita Terbaik 3. Anugerah Gubahan Lagu Terbaik 4. Anugerah Koreografi Terbaik 5. Anugerah Pengarah Terbaik 6. Anugerah Teater Muzikal Terbaik
5	Teater Tradisional	1. Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik 2. Anugerah Pelakon Wanita Terbaik 3. Anugerah Pengarah Terbaik 4. Anugerah Teater Tradisional Terbaik
6	Anugerah Keseluruhan	1. Anugerah Sinografi Terbaik 2. Anugerah Poster Terbaik 3. Anugerah Skrip Asal Terbaik

Malam Anugerah Teater Malaysia telah memberikan dua (2) Anugerah Pendukung Seni kepada individu khususnya badan bukan kerajaan dan syarikat seni yang telah memberikan sumbangan cemerlang dalam bentuk pemikiran, tenaga dan kewangan kepada pembangunan teater serta menyemarakkan pementasan Seni Teater. Manakala, dua (2) Anugerah Khas iaitu Anugerah Khas Tokoh Teater Sepanjang Zaman dan Anugerah Khas Bakat Muda Teater pula diberikan kepada individu yang telah memainkan peranan dengan baik dalam bidang teater.

“MOTAC menerusi JKKN amat berbangga dengan pelaksanaan Malam Anugerah Teater Malaysia. Ini secara tidak langsung dapat memberi pengiktirafan kepada penggiat seni teater di Malaysia atas usaha mereka dalam memartabatkan seni teater di Malaysia mahupun diperingkat antarabangsa”, menurut YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam kenyataan hari ini.

Turut hadir, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBrs. Tuan Haji Mesran bin Yusop, Ketua Pengarah JKKN serta Barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](https://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan

@mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	--